



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENYERAHAN CEK SUMBANGAN OLEH POS MALAYSIA BERHAD

8 MAC 2024

YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia telah menerima cek sumbangan berjumlah RM89,137.64 daripada Pos Malaysia Berhad (PMB) di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), hari ini.

Cek sumbangan ini telah diserahkan oleh Encik Raja Ahmad Hidzir bin Raja Muhamad, Ketua Pegawai Insan Kumpulan Pos Malaysia dan disaksikan oleh YBhg. Dato' Sri Norazman bin Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) dan Puan Norhaliza binti A. Halim, Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi.

Kolaborasi Program Perkhidmatan Farmasi KKM dengan Pos Malaysia sejak tahun 2011, melalui penawaran perkhidmatan "Ubat Melalui Pos (UMP)" bagi membantu pesakit menerima bekalan ubat susulan di lokasi pilihan masing-masing tanpa perlu ke fasiliti kesihatan KKM. Bermula Julai 2023, sebanyak RM0.28 dan RM0.59 bagi setiap parcel UMP yang dihantar oleh pihak Pos Malaysia mengikut kawasan akan disumbangkan ke Tabung Amanah KKM.

Sepanjang tempoh pelaksanaan inisiatif UMP sehingga bulan Disember 2023, Pos Malaysia telah menyumbang sebanyak RM793,000.00 ke dalam Tabung Amanah KKM dan daripada jumlah tersebut, RM706,000.00 telah dibelanjakan untuk rawatan pesakit kanser melalui pembelian peralatan perubatan. Bagi tempoh Julai-Disember 2023, sebanyak 348,501 bungkus telah dihantar melalui perkhidmatan UMP, di mana sebanyak RM89,137.64 akan disalurkan kepada Tabung Amanah KKM.

KKM telah merakamkan penghargaan di atas sumbangan pihak PMB ini dan berharap kolaborasi strategik antara sektor awam dan swasta akan berterusan pada masa hadapan demi kesejahteraan rakyat.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

8 MAC 2024